

28 FEB 2004

Kayveas-Rasuah

KAYVEAS ANGGAP LAPORAN RASUAH BERTUJUAN POLITIK

IPOH, 28 Feb (Bernama) -- Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri
Datuk M. Kayveas hari ini mendakwa laporan rasuah yang dibuat terhadapnya semalam mempunyai motif politik, bertujuan membalas dendam dan remeh.

Presiden parti Progresif Penduduk itu berkata ia dibuat untuk mencemar nama baik beliau menjelang pilihan raya.

"Ia adalah percubaan untuk mereka dan mengadakan sesuatu yang sebenarnya tidak wujud bagi merosakkan imej seseorang. Laporan kepada BPR itu dibuat oleh seorang tertuduh yang terdesak dan kecewa serta bertindak seolah-olah dia sudah disabitkan kesalahan," katanya kepada pemebrita selepas merasmikan PPP Cawangan Jelapang di sini, hari ini.

Kayveas berkata beliau akan membuat laporan polis terhadap Kudus kerana membuat laporan palsu terhadapnya dan memfailkan saman malu terhadap peguam Kudus, M. Manoharan.

Kayveas berkata demikian apabila diminta mengulas laporan yang dibuat oleh bekas Pengarah Penguatkuasa Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Abdul Kudus Ahmad terhadapnya kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR).

Menurut akhbar, Kudus berkata beliau mempunyai gambar yang menunjukkan Kayveas menerima sumbangan RM50,000 daripada pemilik sebuah restoran di Pandan Indah.

Kudus sedang menghadapi 24 tuduhan kerana meminta dan menerima rasuah berjumlah RM59,000 daripada restorann yang sama, Restoran Sri Steven's Corner, antara Mei 2001 dan Mei 2003.

Beliau dihadapkan ke mahkamah berikutan pendedahan Kayveas mengenai amalan rasuah dalam MPAJ.

Kayveas berkata beliau tidak bimbang kerana dakwaan yang dibuat oleh Kudus adalah tidak benar manakala pemberian wang yang dilaporkan itu merupakan janji yang dibuat oleh seorang yang bernama Dr Simon pada 1 Jan 2003 pada majlis rumah terbuka PPP.

"Janji itu dibuat kepada bendahari kami Selva Mohan. Dr Simon menyerahkan sekeping cek olok-olok kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang kemudian memberinya kepada saya...tapi kami tidak pernah menerima wang sebanyak itu," katanya.

Kayveas berkata malah gambar yang dimaksudkan oleh Kudus itu dibekalkan oleh sebuah akhbar Tamil yang tidak "mesra" dengan beliau.

Kata beliau, Kudus sepatutnya memberi tumpuan terhadap kes mahkamahannya di Shah Alam dan bukan membiarkan dirinya dipergunakan oleh tokoh DAP bagi membolehkan parti itu mendapat keuntungan politik.

"Setiap orang tidak bersalah sehinggalah dibuktikan bersalah dan ini termasuk Kudus. Beliau sepatutnya memberi tumpuan untuk memenangi kesnya, meminta peguamnya membelanya dengan bersungguh-sungguh dan tidak memasuki perangkap DAP," katanya.

Kayveas berkata beliau juga memfailkan saman malu terhadap Manoharan kerana mendakwa peguam itu telah menjatuhkan nama baiknya semasa sesi pemeriksaan balas pada perbicaraan Kudus.

DAP selalu meminta kerajaan bersikap telus tetapi apabila kerajaan mendakwa tokoh terkenal kerana perbuatan rasuah, para peguam dari parti itu merupakan pihak pertama yang akan tampil untuk membela mereka kerana ingin mencari publisiti, katanya.

-- BERNAMA

AR SP RON